

# PRESS RELEASE

Untuk Siaran Serta Merta

CBMR-3-RFI-3-OICCERTBM-V1

## MALAYSIA MENJADI TUAN RUMAH SEMINAR PERTAMA “OIC-CERT” 2009

**Kuala Lumpur, 13 Januari 2009** – Malaysia pada hari ini menjadi tuan rumah kepada Seminar Pertama Pasukan Tindakbalas Kecemasan Komputer di kalangan Negara-negara Anggota Pertubuhan Persidangan Islam atau ringkasnya “OIC-CERT” dengan bertemakan “*Strategic Partnership against Cyber Threats*”. Seminar tiga hari ini bermula dari 13 – 15 Januari 2009 dan diadakan di Hotel Crowne Plaza Mutiara, Kuala Lumpur. Seminar telah dirasmikan oleh Y.B. Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Malaysia (MOSTI).

Seminar yang julung kali diadakan ini dianjurkan oleh CyberSecurity Malaysia, sebuah agensi di bawah kawalselia MOSTI dan di sokong oleh Bank Pembangunan Islam (IDB) dan juga MOSTI. Seramai lebih 100 peserta tempatan dan luar negara termasuk peserta dari negara-negara Pertubuhan Persidangan Islam, Negara-negara bukan Pertubuhan Persidangan Islam, pegawai-pegawai kanan kerajaan, pakar-pakar professional ICT dari sektor swasta mahupun awam serta pelajar-pelajar IT menyertai seminar ini.

Pertubuhan Pasukan Tindakbalas Kecemasan Komputer di kalangan Negara-negara Anggota Pertubuhan Persidangan Islam telah dikemukakan pada Jun 2005 di Persidangan “Knowledge and Information & Communication Technologies for Development” (KICT4D) sewaktu Mesyuarat Tahunan Lembaga Gabenor Bank Pembangunan Islam di Putrajaya. Pada bulan Julai 2006, Pasukan Petugas OIC-CERT ditubuhkan di mana Malaysia telah dipilih sebagai Pengerusi manakala Tunisia sebagai Sekretariat manakala negara-negara seperti Arab Saudi, Emiriah Arab Bersatu, Nigeria, Pakistan dan Indonesia turut

menyertai Pasukan Petugas OIC-CERT ini. Dua tahun kemudian, OIC telah menerima resolusi penubuhan OIC-CERT di Mesyuarat Majlis Menteri-Menteri Luar OIC di Kampala, Uganda pada 18 – 20 Jun 2008. Sebagai tindakan susulan kepada mesyuarat tersebut, satu program berbentuk seminar telah dicadangkan untuk diadakan bagi membantu Negara-negara OIC membentuk Pasukan Tindakbalas Kecemasan Komputer mereka sendiri. Ini akan memastikan inisiatif keselamatan ICT nasional mereka dapat dibentuk mengikut suasana dan keperluan Negara masing-masing.

“Idea pembentukan inisiatif keselamatan ICT dan penubuhan Pasukan Tindakbalas Kecemasan Komputer telah diterima oleh kebanyakan Negara-negara OIC. Sebagai Pengerusi kepada Pasukan Petugas OIC-CERT, CyberSecurity Malaysia amat berbangga dengan penganjuran seminar pertama OIC-CERT and juga Mesyuarat Agung Tahunan OIC-CERT 2009” ujar Lf.Kol. Husin Jazri (Bersara), Ketua Pegawai Eksekutif, CyberSecurity Malaysia.

Seminar yang diadakan ini menyediakan program seperti pembentukan Pasukan Tindakbalas Kecemasan Komputer, kerjasama serantau dan pendidikan mengenai kepentingan keselamatan maklumat. Program-program ini dirangka bagi meningkatkan lagi dinamik perniagaan serta jalinan hubungan di kalangan sektor awam dan swasta dengan tujuan meningkatkan lagi kesedaran kepentingan pembentukan OIC-CERT sebagai pusat keselamatan maklumat global bagi suatu jangkamasa panjang.

Antara objektif utama penubuhan OIC-CERT adalah seperti berikut:

- Mengeratkan kerjasama di antara Pasukan Tindak Balas Kecemasan Komputer di kalangan Negara-Negara Anggota OIC
- Meningkatkan perkongsian maklumat di dalam bidang keselamatan maklumat
- Menghalang dan mengurangkan jenayah siber

- Memupuk serta menggalakkan pendidikan dan pencapaian di dalam program keselamatan maklumat
- Menjalin kerjasama di dalam bidang penyelidikan dan pembangunan teknologi
- Menyediakan saluran kecemasan siber di kalangan Negara-negara Anggota OIC

Menurut Y.B. Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili, Menteri MOSTI, penubuhan Pasukan Tindakbalas Kecemasan Komputer di kalangan Negara-negara Anggota Pertubuhan Persidangan Islam sememangnya banyak memberi manfaat kepada Malaysia. Selain dari berkeyakinan di dalam penyebaran kesedaran siber, penubuhan OIC-CERT ini juga menyediakan platform baru bagi Negara-negara OIC untuk bertukar pandangan serta kepakaran dan memperkembangkan pengukuran pembangunan bersama bagi menangani insiden keselamatan maklumat yang berskala besar.

“Adalah menjadi harapan agar usaha sama serta kerjasama yang dijalin menerusi inisiatif penubuhan OIC-CERT ini akan meningkatkan nilai ekonomi dan sebagai prasarana bagi mengukuhkan lagi kepercayaan, jalinan persahabatan serta kerjasama perniagaan jangkapanjang di kalangan Negara-negara OIC” kata Menteri.

~ Tamat ~

**About CyberSecurity Malaysia:**

We are a one-stop reference and specialist centre for cyber security. A Company Limited by Guarantee (CLG), we are under the purview of the Ministry of Science, Technology and Innovation (MOSTI). Our services include:

- Digital Forensics
- Malaysia's Computer Emergency Response Team (MyCERT) / Cyber999
- Security management and best practices
- Security assurance
- Cyber security training and professional certification
- Outreach, awareness, and social responsibility programmes
- Cyber security policy and legal research

Issued by Corporate Branding & Media Relations Department, CyberSecurity Malaysia.

For further enquiries about this press release, please feel free to call 03 8992 6888, Mohd Shamil Mohd Yusoff (ext: 6985) or [shamil@cybersecurity.my](mailto:shamil@cybersecurity.my) / Sandra Isnaji (ext: 6820) or [sandra@cybersecurity.my](mailto:sandra@cybersecurity.my)

For additional information, please visit our website at <http://www.cybersecurity.my>

For general inquiry, please email to: [info@cybersecurity.my](mailto:info@cybersecurity.my)